



**IBU PEJABAT PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
MALAYSIA**

**WISMA TANI, BLOK PODIUM 4G1, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62630 PUTRAJAYA, MALAYSIA**

**Tel: +603 – 8870 2201 Fax: +603-8888 6051 (KPPV)
Email: kp@dvs.gov.my**



**KENYATAAN MEDIA DARIPADA
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

**PERASMIAN PUSAT DAGANGAN DAN DEPOSITORI SARANG BURUNG AUTENTIK
MALAYSIA YANG PERTAMA OLEH
YB DATUK SERI NOH BIN HJ OMAR
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

Industri sarang burung walit (**SBW**) adalah salah satu **INDUSTRI BERNILAI TINGGI** yang diistiharkan oleh YAB Perdana Menteri bagi dijayakan oleh Kementerian saya dan kini telah dimasukkan sebagai salah satu program di bawah *National Key Economic Areas* (NKEA) Pertanian bagi merencanakan pembangunannya mencapai *Gross National Income*, atau GNI yang tinggi. Ke arah memastikan perkembangan industri sarang burung walit terus maju dan mampan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) sebagai agensi peneraju industri kini telah merangka beberapa perancangan strategik ke arah memperkukuhkan lagi industri SBW di Malaysia.

Salah satu dari perancangan strategik ini ialah mengubal Prosedur Perlaksanaan Piawai atau *Standard Operating Procedure* (SOP) bagi menjamin keakuran yang tinggi oleh pengeluar, pemungut, pembawa, pemproses dan pengeksport SBW dengan mematuhi piawai yang telah digubal bersama menerusi input dari beberapa agensi. Langkah ini dibuat bagi memastikan yang di sepanjang rantai pengeluaran SBW tiada risiko jangkitan penyakit haiwan boleh terjadi dan keselamatan produk terjamin. Perlaksanaan prosedur ini diperkukuhkan lagi

menerusi kerjasama DVS dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Media (MCMC) bagi memastikan keseluruhan kegiatan di sepanjang rantai bekalan menepati piawai dan memberi keyakinan yang tinggi kepada pengimport dan seterusnya pengguna antarabangsa. Sistem ini yang merangkumi penggunaan *Radio-Frequency Identification* (RFID) dan pangkalan data *online* akan disepadukan dengan sistem pemeriksaan and penyelarasan kuarantin di negara pengimport.

Perancangan Strategik Kedua yang tidak kurang penting ialah menyelaraskan pengeksportan SBW dan produk SBW bagi memastikan hanya SBW tulen dari Malaysia saja yang dibenarkan eksport. Untuk mencapai hasrat ini kerajaan telah menggalakkan pembangunan pusat dagangan yang mengoperasikan stok penimbang bagi memastikan pengusaha menerima harga yang tinggi dan pengimport tidak boleh memanipulasi harga. Contohnya, pada 2011 kerajaan Republik Rakyat China (RRC) telah melaksanakan penguatkuasaan kandungan nitrit sifar (0 ppm) kepada SBW dari Malaysia. Dengan tindakan ini, pemproses dan penjual SBW di China telah menarik balik SBW dari kaunter jualan. Kesan dari tindakan ini harga SBW di Malaysia telah jatuh merudum dari **RM5,000** sekilogram bagi SBW Gred AA kepada **RM2,500** sekilogram dalam jangkamasa 6 bulan. Adalah dijangka, apabila Kementerian Kesihatan kerajaan RRC mengumumkan kandungan nitrit yang dibenarkan nanti, pedagang-pedagang mereka akan melambakkan SBW simpanan mereka dulu di pasaran. Ini akan menjejaskan harga dan yang paling ditakuti ialah penjualan SBW tiruan (fake) dan yang diadulterasi (adulterated) akan diteruskan tanpa sekatan. Jika ini berlaku nama Malaysia akan sekali lagi terjejas dan industri SBW negara akan menerima padah. Usaha oleh syarikat swasta mewujudkan Pusat Dagangan dan Depositori SBW Auntenik yang pertama ini dengan kerjasama oleh DVS dan MCMC adalah satu langkah memastikan kemelut SBW ini tidak berulang lagi. Syarikat PT Swift Sdn Bhd ini yang pertama kali menyediakan khidmat PETI SIMPANAN KESELAMATAN

SBW bernilai tinggi dan mengoperasi stok penimbal akan memberi jaminan keselamatan kepada pengusaha-pengusaha SBW yang tidak mempunyai kemudahan menyimpan yang selamat dan jika mereka berhasrat menjual akan mendapat harga yang tinggi. Selain itu, syarikat ini juga menawarkan khidmat-khidmat lain berkaitan dengan industri SBW yang diantaranya perkhidmatan penentuan ketulenan, kandungan bahan kimia serta kandungan nutrisi bagi memastikan SBW Malaysia yang dieksport ke luar negara adalah berkualiti tinggi memenuhi tahap bebas penyakit (zero sanitary) dan keselamatan produk kepada pengguna.

Syarikat ini juga menggunakan teknologi ICT yang tinggi dan canggih seperti LC-MS (Liquid Chromatography-Mass Spectrometry), Ion Chromatography, FTIR (Fourier Transform Infrared Spectroscopy), RFID, GPS dan rangkaian pangkalan data yang dibangun oleh DVS dan MCMC. Ini bermakna, semua SBW yang keluar masuk kilang pemprosesan syarikat tersebut akan mempunyai tanda aras RFID meliputi rekod sijil kesihatan dan sumber SBW tersebut. Setelah beroperasi sepenuhnya syarikat ini akan berkerjasama dengan pihak pihak berkuasa negara China *Administration of Quality Supervision, Inspection and Quarantine* (AQSIQ) bagi membekalkan segala maklumat atau data SBW Malaysia kepada pihak kastam serta pihak penguatkuasa negara China bagi mengurangkan aktiviti penyeludupan dan pemalsuan. Pada masa yang sama, syarikat ini juga sebagai platform perkhidmatan pengesahan kepada para pemborong supaya mereka dapat memberi jaminan dan keyakinan kepada pelanggan mereka dari segi keselamatan di mana SBW dapat dikesan balik sekiranya berlaku sebarang kehilangan atau perkara-perkara yang tidak diingini.

Justeru, Kerajaan berharap pusat depository yang dibangunkan ini dapat :

- Menstabilkan harga serta sumber sarang burung walit;
- Mengelak berlakunya pengeksportan sarang burung walit tiruan;
- Mengawal dan memantau kualiti sarang burung walit;
- Melindungi kepentingan para pengusaha sarang burung walit di Malaysia;
- dan
- Mengukuhkan kedudukan industri sarang burung walit Malaysia di pasaran antarabangsa.

Di samping itu, Kementerian telah mengambil maklum perbincangan dua hala (bilateral) kumpulan pakar piawaian SBW antara Kementerian Kesihatan Malaysia (MOH) dan Kementerian Kesihatan China pada penghujung Disember 2011 yang telah mencapai kata sepakat mengenai kandungan nitrit yang dibenarkan dalam SBW. Kedua-dua pihak MOH Malaysia dan MOH China akan mengemukakan keputusan piawaian SBW yang dibenarkan untuk dieksport ke Republik Rakyat China dalam masa terdekat ini. Sebaik keputusan itu dibuat, MOA akan mengadakan perbincangan berkaitan protokol pengeksportan SBW Malaysia ke China dengan pihak AQSIQ China bagi memulihkan aktiviti perdagangan eksport SBW yang tergantung sejak 2011. Seterusnya, Kerajaan akan meneruskan usaha untuk memajukan industri SBW dan menembusi pasaran-pasaran lain seperti di Timur Tengah, EU dan Amerika. Justeru, inisiatif yang perlu seperti jalinan kerjasama dengan pihak swasta dapat dilaksana dan diteruskan supaya industri SBW dapat berkembang dengan lebih tersusun dan lestari.

DATUK SERI NOH BIN HJ OMAR

MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

16 Januari 2012